



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 4/2023**

**JENIS PELAN YANG DISEDIAKAN BAGI HAKMILIK SEMENTARA DAN
PERMINTAAN UKUR (PU) BERKAITAN DENGAN KELULUSAN
PEMBERIMILIKAN TANAH**

**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
Putrajaya
2023**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2023

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 4/2023
Disediakan oleh	Bahagian Dasar dan Konsultasi, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 3, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62574 Putrajaya
Telefon	03-8871 2669
Faks	03-8881 0802
E-mel	bdk@jkptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	

Kawalan Versi Dokumen

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan

PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 4/2023

Jenis Pelan Yang Disediakan Bagi Hakmilik Sementara Dan Permintaan Ukur (PU) Berkaitan Dengan Kelulusan Pemberimilikan Tanah

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihati semua Pentadbir Tanah berkenaan keperluan penyediaan pelan tanah bagi pendaftaran dokumen hakmilik sementara dan keperluan permintaan ukur (PU) setelah pemberimilikan tanah diluluskan.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

2. Sebelum pendaftaran hakmilik sementara, Pentadbir Tanah hendaklah berpuas hati dengan persempadanan tanah bagi pemberimilikan tanah yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan ditandakan buat sementara di atas permukaan bumi berdasarkan pelan dan perihal yang dirujuk dalam kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri selaras dengan perenggan 181(1)(a) Kanun Tanah Negara [Akta 828]. Sekiranya Pentadbir Tanah tidak berpuas hati dengan kedudukan tanah atau mendapati ia tidak praktikal, pelan dan perihal kelulusan tersebut hendaklah dipertimbangkan semula oleh Pihak Berkuasa Negeri.

3. Untuk tujuan penyediaan pelan bagi dokumen hakmilik sementara yang dimaksudkan dalam perenggan 181(1)(b) Akta 828, **maklumat jarak dan bearing dalam pelan adalah tidak diperlukan**. Walau bagaimanapun, bagi memudahkan Penolong Pegawai Tanah mengenal pasti maklumat tanah tersebut, adalah digalakkan supaya maklumat jarak dan bearing bagi tanah yang diluluskan tersebut direkodkan dalam lembaran litho atau dalam sistem maklumat pelan yang diguna pakai oleh pentadbiran tanah negeri. Maklumat pelan tersebut hendaklah diselenggara dan dikemaskini dari semasa ke semasa oleh Pegawai Penempatan.

4. Selaras dengan keperluan **PU bagi tujuan penyediaan dokumen hakmilik tetap** yang dikemukakan oleh Pentadbir Tanah kepada Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri, **Pentadbir Tanah perlu memastikan maklumat jarak dan bearing bagi tanah yang telah diluluskan pemberimilikan oleh Pihak Berkuasa Negeri dibekalkan dalam pelan yang dikemukakan bersama PU tersebut**. Maklumat ini adalah penting bagi membolehkan Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri memastikan kedudukan sebenar tapak tersebut dan menyediakan pelan hakmilik tetap selaras dengan seksyen 396 Akta 828. Selaras dengan seksyen 189 Akta 828, hakmilik tetap boleh dikeluarkan bagi tanah yang telah diukur mengikut seksyen 396 Akta 828. Perkara-perkara berkaitan pengukuran, menjamin ketetapan pelan dan pemerenggan tanah untuk penyediaan dokumen hakmilik sementara telah

diperjelaskan melalui Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 11/2020, Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 8/2022 dan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 10/2022.

5. Garis Panduan Amalan Kerja Ukur Kadaster Dalam Persekitaran eKadaster telah dikeluarkan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia melalui Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bilangan 6 Tahun 2009 yang menjelaskan tatacara PU pemberimilikan disertakan dengan dokumen-dokumen seperti yang berikut:

- (a) Surat daripada Pejabat Tanah;
- (b) PU;
- (c) Pelan PU;
- (d) Surat Cabutan Kelulusan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri atau salinan Hakmilik Sementara;
- (e) Senarai nama pemohon;
- (f) Sijil Pengecualian Bayaran ukur/resit atau borang senarai pemohon; dan
- (g) Dokumen lain yang berkaitan (jika ada).


PEMBATALAN

6. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 8/1980 bertajuk Jenis Pelan Yang Disediakan Untuk Hakmilik Sementara Dan Permintaan Ukur Berkaitan Dengan Kelulusan Pemberimilikan Tanah (Disemak 2009) adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

7. Pekeliling ini dibaca bersama Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 11/2020, Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 8/2022 dan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 10/2022.

8. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan berkuat kuasa pada tarikh pekeling ini dikeluarkan.



(DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN)
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN

No. Fail: JKPTG.BDK.100-1/3/1 Jld. 3

Tarikh : **27** Disember 2023